
Title	Sastera Melayu: Peranan, pengaruh dan kesannya ke atas masyarakat Melayu
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1987 Muhammad Ariff bin Ahmad

طاج محمد عارف أحمد
Haji Muhammad Arief Ahmad

April 21, 1987

Nota ceramah
disampaikan kepada
LATIHAN KADER ISLAM
PMI/PBM Universiti Nasional Singapura
di Wisma MENDAKI
pada Sabtu, 25 April 1987 @ jam 1400.

tajuk: SASTERA MELAYU: Peranan, Pengaruh dan Kesannya
ke atas Masyarakat Melayu

1. Peranannya:

- 1.1 Sastera lama [pra-1900M = puisi (peribahasa, karmina, pantun + syair dsb., dan hikayat (penglipur lara)] ialah pancaran masyarakat lama [merakam, mendidik, mengatur].
- 1.2 Sastera baru [[±] 1900M = puisi, Hikayat Abdullah dan cereka (novel pengenalan)] ialah pancaran masyarakat baru:
 - 1.2.1 [[±] 1930M = Angkatan Pujangga Baru merupakan sastera protes kekunoan menerusi syair modern (sanjak), novel dan cerpen].
 - Merari Serigar: jika orang lama jatuh cinta kepada seorang gadis, ia lalu menulis surat dan meniduri surat itu satu malam, lantas mengiriskan surat itu kepada kecintaannya dengan rayuan dan airmata; maka kami, angkatan baru, apabila jatuh cinta kepada seorang gadis akan kami bawa gadis itu minum ice-cream dan nonton bioskop.
 - 1.2.2 [1950 - 1960an = Angkatan 50an; Asas '50 dengan puisi (sajak) dan cereka (cerpen, novel) + pengenalan esei] menegakkan fahaman 'seni untuk masyarakat:
 - motto 1950 -: karya sastera harus menjadi alat mencapai kemerdekaan penuh yang mutlak.
 - motto 1969 -: sastera bina manusia.
'Batul' utusan Zaman, 205 (30 Sept 1951)
 - cerpen 'Kad Merah' (1952): Apabila saya jatuh cinta kepada seorang gadis, akan saya berikan bahagia kepada kecintaan saya walaupun bahagia itu tidak terletak pada diri saya.
 - 1.2.3 [1970an & 1980an = sastera mutakhir; kelanjutan 1950an] dengan kritik masyarakat, kritik akhlak berdasarkan nilai-nilai kesejagatan.

2. Pengaruhnya: [2]

2. Pengaruhnya:

2.1 terhadap bahasa:

- bahasa [lisan/tulisan] adalah alat penyampai karya sastra.
- bahasa [sebagai satu aspek kebudayaan] berkembang dibawah pengaruh zaman, alam dan manusia.
- tiap pergantian zaman, bahasa berubah, bertambah sesuai dengan yang diperlui sastra dan masyarakat.

2.2 terhadap pemikiran:

- karya sastra lahir oleh kebijaksanaan pemikiran, mengaduni pemikiran dan melahirkan pemikiran baru yang lebih bernas.
- tergantung kepada kekariban sastra dengan pemikir dan yang mahu memikirkannya.

2.3 terhadap kehidupan manusia:

- Menteri Negara Kanan Kem Pelajaran (2 Mac 1977): adalah diakui bahawa pemindahan budaya, tradisi, nilai-nilai dan sikap adalah dilakukan menerusi bahasa ibunda.
- yang dimaksudkan dengan bahasa ibunda itu ialah sastra ibunda [keturunan bangsa].
- tergantung kepada kekariban masyarakat Melayu dengan sastra Melayu itu sendiri.

3. Kesan [Sastra Melayu] terhadap masyarakat Melayu [Singapura]:

3.1 kesan sastra lama:

- jelas mendidik jasmani-rohani masyarakat Melayu lama dan telah mengatur kehidupan masyarakat Melayu dengan adat dan undang-undangnya.

3.2 kesan sastra baru:

- jelas kelihatan pada pemodenan pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu sekarang berbanding dengan masyarakat Melayu pada zaman lampau.

3.3 kesan sastra akan datang:

- peranan sastra akan datang tidak akan berubah dari peranan sastra sebelumnya; tergantung kepada perhatian dan sikap masyarakat Melayu terhadap sastra itu untuk menentukan keberkesanannya.
- sistem pendidikan Singapura terhadap bahasa [kedua] harus akan menjejaskan perkembangan sastra Melayu di Singapura.
- pengajaran bahasa tanpa sastra, membimbangkan..
- perhatian Yayasan Budaya dan Bahagian Kebudayaan Kem Pembangunan Masyarakat mengadakan peraduan menulis cerpen empat bahasa belum menjamin menanam kecintaan Masyarakat Melayu terhadap sastranya.

cukup sekian untuk perbincangan 45 - 75 minit.